

CO2

CO2

PENAUNG:
YBhg. Dato' Sri
Zoal Azha
Yusof

PENASIHAT:
YBhg. Datuk Dr.
Abdul Rahim
Hj. NiK

KETUA EDITOR:
Dr. Lian Kok Fei

**SIDANG
EDITORIAL:**
Semua warga
Bahagian
Pengurusan
Alam Sekitar
dan
Perubahan
Iklim

EDISI KEEMPAT
Bil.1/2013

CO2

CO2

CO2

CO2

eBULETIN

Pengurusan Alam Sekitar & Perubahan Iklim

"Green lifestyle starts from you"

PERSIDANGAN COP18/ CMP8 UNFCCC

Persidangan COP18/CMP8 UNFCCC yang telah diadakan Doha, Qatar merangkumi beberapa siri mesyuarat dan bagi setiap mesyuarat tersebut, beberapa kumpulan kerja (working group) yang berjalan secara serentak telah ditubuhkan. Tujuh mesyuarat utama semasa persidangan berkenaan adalah seperti berikut:

- i. Mesyuarat Ke-15 Ad-Hoc Working Group on Long Term Cooperative Action under the Convention (AWG-LCA);
- ii. Mesyuarat Ke-17 Ad-Hoc Working Group on Further Commitments for Annex I Parties under the Kyoto Protocol (AWG-KP);
- iii. Mesyuarat Pertama Ad-Hoc Working Group on Durban Platform (ADP);
- iv. Mesyuarat Ke-37 Subsidiary Body for Implementation (SBI);
- v. Mesyuarat Ke-37 Subsidiary Body for Scientific and Technological Advice (SBSTA);
- vi. Persidangan Ke-18 Negara Peserta kepada UNFCCC (COP18); dan
- vii. Mesyuarat Ke-8 Negara Peserta kepada Protokol Kyoto (CMP8).



Perbincangan di antara YBM, TKSU (AS) dan SUB (PASPI) bersama En Martin Khor, Pengarah Eksekutif South Centre

Persidangan COP18/CMP8 terbahagi kepada dua (2) sesi, iaitu sesi peringkat pegawai dan sesi peringkat tertinggi. Disebabkan oleh pelbagai isu penting yang tidak dapat diselesaikan, persidangan COP18/CMP8 yang dijadualkan berakhir pada 7 Disember 2012 telah berlarutan hingga 8 Disember 2012. Sesi peringkat pegawai yang diadakan dari 26 November hingga 8 Disember 2012 merupakan sesi rundingan bagi membincangkan mengenai isu-isu penting. Sementara sesi peringkat tertinggi dari 4 hingga 7 Disember 2012 merupakan sesi ucapan, di mana wakil-wakil negara diberi peluang untuk memberikan kenyataan dan pandangan mengenai isu perubahan iklim.

Bersambung m/s 2



*Untuk edaran dalaman sahaja

KANDUNGAN:

Persidangan COP18/ CMP.....	1
Bengkel REDD+ Readiness.....	2
UNEP GC27/ GMEF.....	3
Lawatan Menteri Pembangunan Brunei.....	4



YB Menteri melawat "booth" Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang bertemakan "Low Carbon Blueprint for Iskandar Malaysia Metropolis: A Model for Malaysian Low Carbon Cities Implementation Plan".

Sambungan m/s 1

Sesi peringkat tertinggi telah dihadiri oleh lima (5) Ketua Negara, lebih dari seratus (100) orang menteri serta pegawai-pegawai tinggi yang mewakili kerajaan dari negara-negara peserta kepada Konvensyen UNFCCC dan Protokol Kyoto. Sesi ini telah dihadiri oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, HE Ban Ki-moon dan dirasmikan oleh Emir Qatar, Sheikh Hamad bin Khalifa Al Thani.

YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia telah menyampaikan ucapan di dalam sesi peringkat tertinggi pada 6 Disember 2012. Semasa sesi tersebut, YB Menteri mengingatkan semua pihak akan bencana yang diakibatkan oleh perubahan iklim di seluruh dunia dan pentingnya kesinambungan Protokol Kyoto bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca. Di samping itu, YB Menteri turut menyatakan tentang usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia untuk mencapai pengurangan pelepasan intensiti karbon sehingga 40% seperti yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2009 di Copenhagen semasa Persidangan COP15/CMP5. YB Menteri turut memaklumkan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan seperti pelaksanaan Akta Tenaga Boleh Diperbaharui dan mekanisma Feed-In Tariff bagi membantu pertumbuhan masyarakat rendah karbon di Malaysia.

Di samping sesi ucapan, YB Menteri juga telah menghadiri sesi informal meja bulat bertajuk "Ambition, Support and Delivery, Now and in the Future" yang telah dipengerusikan oleh Presiden COP18/CMP8. Forum ini diadakan bagi mendapatkan pandangan para Menteri bagaimana tindakan mitigasi, adaptasi dan juga pelaksanaannya dapat diperkuatkan pada masa sekarang dan untuk masa hadapan.

Mesyuarat COP18/CMP8 yang berakhir pada 8 Disember 2012 telah bersetuju untuk menerima 39 keputusan. Antara hasil penting perbincangan termasuklah persetujuan negara-negara maju untuk menyambung tempoh komitmen kedua Protokol Kyoto, penamatan rundingan di bawah AWG-LCA dan rancangan kerja untuk rundingan di bawah Durban Platform.

“Perubahan iklim merupakan bencana di seluruh dunia dan kesinambungan Protokol Kyoto adalah penting bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau”

BENGKEL MALAYSIA'S REDD+ READINESS PROJECT: PRIVATE SECTOR ENGAGEMENT DAN NATIONAL

Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Unit REDD+

telah menganjurkan dua (2) bengkel berasingan iaitu Private Sector Engagement dan National Stakeholder Consultation di bawah projek REDD+ Readiness. Bengkel ini diadakan di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur pada 19, 20 dan 21 Februari 2013 oleh NRE (dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia).

Penglibatan bengkel pertama adalah tertumpu kepada sektor swasta dan bengkel kedua adalah kepada national stakeholder. Bengkel ini bertujuan menjalin kerjasama Kementerian dengan sektor swasta serta melihat potensi pelaburan dan untuk membincangkan serta mendapat maklum balas mengenai draf awal laporan rangka kerja ketiga-tiga komponen projek REDD+ Readiness bagi pelaksanaan REDD+ di Malaysia.

Projek REDD+ Readiness terdiri daripada tiga (3) komponen iaitu:-

- Rangka kerja institusi;
- Dasar Kebangsaan serta rangka kerja undang-undang; dan
- Pembiayaan berterusan

Di samping itu, rumusan daripada bengkel ini adalah untuk proses penyediaan strategi Kebangsaan REDD+. Usaha ini juga adalah untuk meningkatkan aktiviti pemuliharaan hutan semula jadi dan mengurangkan kemusnahan hutan.

Maklumat lanjut bengkel berkaitan boleh didapati di laman web : www.undp.org.my



THE TWENTY SEVENTH SESSIONS OF THE GOVERNING COUNCIL/ GLOBAL MINISTERIAL ENVIRONMENT FORUM

Kata-kata aluan oleh Dr. Gary William Theseira

The 27th Session of the Governing Council/ Global Ministerial Environment Forum was held in UNEP headquarters, Nairobi, Kenya from 18 to 22 February 2013. This is the first Universal Session of the GC under the decision of the UN General Assembly to further strengthen and upgrade the UNEP role. The Ministerial level addressed Rio+20: from outcome to implementation with the emphasis on strengthening and upgrading UNEP according to the RIO +20 outcome document "The Future We Want".

Policy Platform on Biodiversity and Ecosystem Services (IPBES) Secretariat.

Sesi bengkel

Besides, SCP was also introduced and parties have pointed out their concerns on the issues with developed countries emphasizing the importance of environmental awareness and the implementation of the ten (10) year framework programme (10 YFP).

As a conclusion, the delegates had successfully concluded their work and important issues include UNEP responsiveness to country needs and promoting of strong science-policy interface had been addressed during the forum.

Sesi perbincangan

The Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia (NRE) was represented by Dr. Lian Kok Fei, Undersecretary of Environmental Management and Climate Change Division (HoD), Principal Assistant Secretary of Environmental Management and Climate Change Division, Dr. Tan Beng Hoe, Principal Assistant Director from Department of Environment, Mohd Famey Yusoff and representatives from the High Commission of Malaysia in Nairobi, HE Ismail Salam and Mr. Kathiravan Subramaniam.

Sesi soal jawab

The ministerial consultations during the 27th Session of the Governing Council/ Global Ministerial Environment Forum focused on emerging policy issues under the paragraph 88 of the RIO+20 outcome document "The Future We Want" and UNGA resolution 67/213. The chair of the UNEP Committee of Permanent Representatives (CPR), submitted 12 CPR draft decisions for consideration. Malaysia introduced a draft decision on the Intergovernmental Science-

Sesi pembentangan

Malaysian participants of the forum

Representatives from Malaysia who participated in the four (4) days forum



LAWATAN KERJA MENTERI PEMBANGUNAN BRUNEI DARUSSALAM DAN DELEGASI KE TAPAK PROJEK PENCEGAHAN KEBAKARAN DAN PENGURUSAN TANAH GAMBUT DI MIRI, SARAWAK PADA 18 JANUARI 2013

Malaysia dan Brunei Darussalam adalah negara anggota bagi Jawatankuasa Peringkat Menteri Sub-serantau ASEAN Mengenai Pencegahan Jerebu Merentasi Sempadan (ASEAN Sub-Regional Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution).

Di peringkat MSC, Malaysia telah menyatakan komitmen untuk mencegah kebakaran hutan dan tanah gambut dengan menambah bilangan sekatan saliran dan telaga air tanah serta meneruskan program ke kawasan tanah gambut mudah terbakar yang lain di seluruh negara.

Rentetan daripada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia dalam mencegah kebakaran hutan dan tanah gambut, Menteri Pembangunan Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Brunei Darussalam Yang Mulia Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan Brunei Darussalam.

Kedatangan delegasi Brunei Darussalam ini disambut oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), NRE dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tujuan lawatan kerja tersebut adalah untuk menunjukkan kepada pihak Brunei Darussalam komitmen negara bagi mencegah kebakaran tanah gambut yang berpotensi memberi kesan pencemaran jerebu merentasi sempadan.

Program Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut di Permyjaya telah dimulakan pada ta-



Delegasi menerima penjelasan mengenai peranan telaga air tanah (tube well) dalam mengawal kebakaran dan jerebu akibat pembakaran tanah di kawasan tersebut.

hun 2010. Sehingga kini, sebanyak 19 sekatan saliran, 9 telaga air tanah dan sebuah menara tinjau telah dibina dan beroperasi sepenuhnya.

Hasil dari lawatan kerja ini, didapati delegasi Brunei Darussalam berminta untuk mempelajari kaedah pencegahan kebakaran tanah gambut yang digunakan di Malaysia. Delegasi Malaysia dan Brunei Darussalam juga telah bersetuju untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang pengurusan tanah gambut bagi masyarakat kelestariannya dan bagi mencegah kejadian jerebu merentasi sempadan daripada berulang di rantau ini pada masa hadapan.



Tetamu kehormat iaitu Menteri Pembangunan Brunei Darussalam diperkenalkan kepada tetamu yang hadir.

Awang Haji Suyoi bin Haji Osman telah melakukan lawatan kerja ke tapak projek Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut di Permyjaya, Miri, Sarawak pada 18 Januari 2013.

Green blog to visit:

"Trees are a valuable resource and an important part of fighting climate change and maintaining the health of our planet. Every year millions of trees are cut down and primarily used to produce paper, yet paper is being consumed and wasted at an alarming rate."

[http://
www.aboutmyplanet.com](http://www.aboutmyplanet.com)

Green tips

The Paper Trail

- Recycle all paper products
- Reuse paper products where you can
- Cut down on paper you don't need
- Ditch the subscriptions
- Look into e-books or audio books

Paper is the most common use of trees and therefore is the best way to cut down on the number of trees we use. By reducing paper, we are reducing trees that are killed.